

## PROTOKOL

### **Bagi Pembukaan sebuah Pejabat Wakil Perdagangan USSR di Washington dan sebuah Pejabat Perdagangan USA di Moscow**

Demi untuk kepentingan-kepentingan meneguhkan hubungan-hubungan perdagangan dan ekonomi mereka, Kerajaan USSR dan Kerajaan USA membuat keputusan dalam Perjanjian antara Kerajaan USSR dan Kerajaan USA Berhubung Perdagangan ditandatangani dalam bulan Oktober 1972, untuk bekerjasama dalam memperluas dan memperbaiki kemudahan-kemudahan perdagangan mereka di Washington dan Moscow.

Sejajar dengan tugas ini wakil-wakil Kerajaan Soviet dan Kedutaan US di Moscow telah dalam minggu ini mendapatkan kemudahan-kemudahan baharu pada tempat-tempat yang sesuai yang akan membolehkan Pejabat Konselor Perdagangan USA untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih cekap kepada ahli-ahli perniagaan US bagi mendapatkan bantuan dalam usaha-usaha perdagangan mereka dengan pertubuhan-pertubuhan USSR yang sesuai.

Kerajaan US awal tahun ini telah memudahkan USSR mendapatkan sebuah bangunan di satu tempat yang sesuai di Washington bagi kegunaan sebagai Pejabat Konselor Perdagangan USSR.

Kerajaan USSR telah juga memberitahu Kerajaan USA bahawa, berhubungan dengan Perjanjian Mengenai Perdagangan, ia telah mengeluarkan kuasa bagi penubuhan di Moscow untuk wakil-wakil pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan kewangan US yang berikut:

Pullman Incorporated  
Perbadanan Occidental Petroleum  
Bank Chase Manhattan, N.A.  
Syarikat General Electric  
Syarikat International Harvester  
Syarikat Trekker Caterpillar  
Syarikat Hewlett-Packard  
Perbadanan Hasil Galian dan Kimia Engelhard  
Bank Amerika  
Bank First National City

Permintaan-permintaan oleh Firma-Firma tambahan dari US bagi tempat di Moscow sekarang sedang dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkuasa Soviet.

Selari dengan Perkara 5 Perjanjian Mengenai Perdagangan, Kerajaan USSR dan Kerajaan USA hari ini jugalelah bersetuju untuk membuat persiapan-persiapan segera bagi urusan-urusan faedah bersama yang memuaskan untuk menambahkan kakitangan-kakitangan perdagangan mereka di negara masing-masing. Pejabat Perwakilan Perdagangan USSR di Washington dan sebuah Pejabat Perdagangan USA di Moscow akan dibuka serentak secepat mungkin dan tidak lewat dari 31 Oktober tahun ini.

Dibuat di Washington pada 22hb Jun, 1973, dalam dua salinan dalam dua bahasa iaitu Rusia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Pihak Kerajaan  
Kesatuan Republik**

**Bagi Pihak Kerajaan  
Amerika Syarikat**

## PROTOKOL

### **Mengenai Penubuhan Dewan-Dewan Peraiagaan USSR-US**

Memandangkan kegiatan yang ditunjukkan oleh badan-badan pertubuhan perniagaan Russia dan syarikat-syarikat Amerika Syarikat dalam membentuk persetujuan tertentu untuk menambahkan kerjasama dan

Mengakui yang kerjasama seperti itu akan menambahkan lagi perhubungan di antara peniaga-peniaga Russia dan Amerika Syarikat yang mana nanti akan membantu perhubungan perniagaan yang akan menguntungkan kedua negeri.

Setiausaha Perniagaan dari Amerika Syarikat akan berjumpa dengan ahli-ahli perniagaan dan pakar-pakar kewangan Amerika Syarikat untuk membincang mustahaknya menubuh satu Dewan Perniagaan Amerika Syarikat-Russia di Amerika Syarikat dari sektor persendirian.

Keputusan dari perhubungan-perhubungan ini akan dilaporkan serentak kepada gabungan suruhanjaya Perniagaan Amerika Syarikat-Russia.

Dibuat di Washington pada 22hb. Jun, 1973 dalam dua salinan, dalam dua bahasa iaitu Rusia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi pihak Kerajaan  
Kesatuan Republik**

**Bagi pihak Kerajaan  
Amerika Syarikat**